

27/10/2003

Mahkamah benarkan NSTP saman Pas

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini membenarkan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dan bekas ketua pengarang kumpulannya meneruskan saman malu terhadap Pas.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Azmel Maamor memerintahkan supaya hanya Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa dinamakan sebagai defendan dalam saman itu.

Beliau membuat keputusan itu dalam kamarnya selepas membenarkan rayuan NSTP dan Datuk Abdul Kadir Jasin berhubung keputusan penolong kanan pendaftar membatalkan saman itu.

Pada 4 Jun tahun lalu, Penolong Kanan Pendaftar, Noradura Hamzah membenarkan permohonan bekas Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor dan 10 lagi untuk membatalkan saman NSTP dan Abdul Kadir.

Saman malu itu yang difailkan pada 8 Februari 2000, mendakwa akhbar lidah rasmi parti itu Harakah berniat jahat dan mencemar nama baik syarikat itu apabila menyiarkan dua artikel pada 1999.

Dalam pernyataan tuntutan, NSTP dan Abdul Kadir (plaintif) mendakwa pada 28 November 1999, akhbar Berita Minggu pada halaman pertamanya menyiarkan artikel bertajuk: Kempen pada saat-saat akhir: Jangan ikut emosi.

Plaintif mendakwa, artikel itu disiarkan bersama gambar dengan petikan ayat berbunyi, "Dr Mahathir disambut 4,000 penyokong Barisan Nasional di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Majlis Perbandaran Kangar, semalam".

Sehubungan itu, plaintif mendakwa, Jabatan Penerangan dan Penyelidikan Pas Pusat (JPPPP) menerbitkan artikel bertajuk: "How many Mahathirs can you spot here?" bersama sebuah gambar di halaman 21, bahagian English Harakah, keluaran 6 Disember 1999.

(END)